

**Politik Lama Versus Politik Baharu: Dinamika Politik Melayu dalam  
Pilihan Raya Negeri Johor 2022**  
*Old Politics versus New Politics: The Dynamics of Malay Politics in the Johor State  
Election 2022*

**Shah Mohd Akmal Abdul Halim**  
Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi  
Universiti Sultan Azlan Shah  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia  
E-mail: shahakmal@usas.edu.my

**Abstrak**

*Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang diadakan pada 12 Mac 2022 merupakan siri pilihan raya negeri yang keempat diadakan selepas PRN Sabah, Melaka dan Sarawak sejak berlangsungnya Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 2018. Bagi negeri Johor, PRN 2022 menunjukkan perkembangan menarik dalam politik orang Melayu. Sebelum ini, neofeudalisme telah menjadi identiti politik negeri sejak sekian lama berdasarkan pertautan historikal-nilai sentimental antara negeri ini dengan parti UMNO. Nilai sentimental tersebut membolehkan UMNO-BN membentuk hegemoni politik Melayu dalam tempoh yang panjang sehingga negeri ini turut dilabel sebagai kawasan 'simpanan tetap' UMNO. Bagaimanapun, faktor semasa yang melatari PRN Johor 2022 kali ini – merangkumi dominasi isu ekonomi berpunca daripada COVID-19, dan krisis politik yang dihujahkan mengancam kestabilan politik – menjadi pemboleh ubah yang signifikan dalam menciptakan karakter baharu bagi politik orang Melayu di Johor dan Malaysia pada umumnya. Kajian ini bertujuan menganalisis dinamika politik Melayu dalam PRN Johor 2022 melalui kesinambungan politik lama dengan politik baharu berdasarkan persaingan antara UMNO dengan parti Melayu alternatif seperti BERSATU/PN. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif (kajian kes) melalui data-data primer dan sekunder yang diperolehi daripada*

*pemerhatian dan pengamatan umum dan di lapangan, temu bual, serta kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan kedinamikan dalam lokus politik Melayu telah ditonjolkan UMNO dan BERSATU melalui naratif politik baharu. Isu-isu progresif yang lebih sinonim dengan parti rentas-etnik Pakatan Harapan (PH) mula dibawakan oleh kedua-dua parti ini, seperti tadbir urus baik, pendemokrasian, integriti dan ketelusan. Begitu pun, kajian ini juga mendapati wujudnya naratif politik lama dalam kadar tertentu dengan hujahan demi mengimbangi segmen pengundi Melayu yang signifikan buat kedua-dua parti konservatif Melayu ini. Sepertimana biasa, elemen politik lama dalam bentuk naratif politik pembangunan dan neofeudal masih ditemukan. Kajian ini juga mendapati bahawa pertembungan UMNO dan BERSATU di kawasan majoriti Melayu menunjukkan wujudnya kedinamikan praktis politik lama yang dihujahkan mewujudkan ruang demokrasi kompetitif berbanding dominasi satu parti.*

**Kata Kunci:** PRN Johor 2022, Politik Melayu, Politik Lama dan Baharu, Hegemoni Politik

**Abstract**

*The Johor State Election, held on March 12, 2022, was the fourth in a series of state elections since the General Election of 2018 in Malaysia after Sabah, Melaka, and Sarawak. For Johor, its 2022 state election highlighted a new interesting*

*development in Malay politics. Before, neo-feudalism marked Johor's political identity for a very long time based on the historical-sentimental values tied between the Johor State and the Malay-based UMNO party. Such historical sentimental values had enabled UMNO and the Barisan Nasional (BN) to forge a political hegemony such that Johor has been labeled as UMNO's 'permanent deposit' area. However, current factors underlying the recent Johor State Election – which included dominating economic issues stemming from the COVID-19 pandemic and the political crisis that has been argued to threaten national stability – are becoming significant “game changers” that may create a shifting character in Malay politics in Johor and generally in Malaysia. This study analyzes the dynamics of Malay politics in the Johor 2022 State Election through the continuity of the old politics and new politics based on the political rivalry between UMNO and alternative Malay political parties like BERSATU and PN. This study uses the qualitative case-study method utilizing primary and secondary data obtained from general and field observations, interviews, and archival research. Results show that the Johor 2022 State Election revealed shifting dynamics in Malay politics through the political narratives articulated by UMNO and BERSATU. Both parties brought up progressive issues that are more synonymous with the Pakatan Harapan (PH), the previously ruling but has since become opposition coalition – issues such as good governance, democratization, integrity, and transparency. Notwithstanding that, this study also finds old political narratives lingering to some degree, perhaps meant to satisfy the significant segment of Malay voters for these two Malay conservative parties. Among the lingering old issues were the political narratives of gratitude, development, and neo-feudalism. Finally, this study also found that the contest between UMNO and BERSATU in Malay-*

*majority areas demonstrates the existence of an old political dynamic, which is argued to pave the way to a more competitive democracy rather than the dominance of one party.*

**Keywords:** *Johor 2022 State Election; Malay Politics; Old and New Politics; Political Hegemony*

## **Pengenalan**

Suatu ciri khas politik Malaysia selama 65 tahun adalah landskap politik yang didominasi oleh hegemoni parti Perikatan/Barisan Nasional (BN). Khusus bagi politik Melayu, ia juga merupakan hegemoni parti politik UMNO. Fenomena ini dipercayai berpunca daripada penerusan nilai-nilai feodal tradisional dalam bentuk baharu yang merangkumi norma neofeodal, psikologi feodal, amalan penaung dinaung, ikatan jasa dan budi dan simbiosis sentimental monarki-UMNO (lihat Syed Hussein, 1972; Shaharuddin, 1984; Chandra, 1992; Crouch 1996; Jamaie, 2005; Mujibu et al. 2010; Khor Yu Leng, 2014; dan Shah Mohd Akmal, 2020). Sejak sekian lama, kesemua aspek ini menjadi trajektori fundamental dalam membahaskan kitaran politik Malaysia.

Begitu pun, sentakan terhadap dominasi UMNO mula berakar sejak teretusnya era reformasi pada penghujung 1990-an (Weiss 2006). Trend peleraian dominasi UMNO ini meneruskan lanjutannya dalam Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) selepas BN gagal memperoleh majoriti dua pertiga. Peleraian dominasi UMNO-BN ini juga diujahkan berpunca daripada transisi sistem politik Malaysia daripada autoritarian kompetitif (*competitive authoritarian*) kepada sistem koalisi dua parti (*two-coalition party system*) (Muhamad Nadzri 2018). Trajektori ini berterusan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), apabila keputusan yang diperolehi BN berterusan merosot sehingga hilang undi popular kepada

Pakatan Rakyat (PR). Di sebalik tanggapan umum yang melihat fenomena ini sebagai transisi kepada politik baharu, Muhammad Takiyuddin (2016) mendapati kekentalan politik lama masih menjadi penentu meskipun nuansa politik negara pada ketika itu berada dalam kitaran politik baharu.

Kekalahan BN dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) seakan memberi indikator tentang 'klimaks' kedinamikan politik Malaysia yang mula keluar dari kerangka politik identiti; atau diklasifikasikan Madhi dan Hamdan (2021) sebagai *centripetalisme*. Centripetalisme yang dicanangkan sebagai alternatif kepada sistem konsosiasional bagaimanapun menunjukkan dimensi kontradik yang memerlukan perbahasan intensif, terutama melalui penyertaan parti berasaskan identiti, iaitu BERSATU, ke dalam blok Pakatan Harapan (PH). Hujah yang mewacanakan nilai-nilai politik lama dalam dimensi neofeudal ini pada dasarnya masih berterusan dalam PRU-14, meskipun sebahagian besar trajektori PRU-14 lebih dihalakan kepada transisi politik baharu. Hujah ini disokong oleh kajian Muhamad Nadzri dan Jamaie (2018) yang turut memuatkan faktor Melayu/bumiputera sebagai medium pemboleh ubah dalam PRU-14. Hujahnya, keupayaan PH dalam membentuk sebuah pakatan oposisi yang kuat, representatif, dan berwibawa melalui penglibatan parti berasaskan Melayu/Bumiputera dalam PH telah menjadi faktor penting dalam memecahkan dominasi BN.

Pasca PRU-14, kebanyakan sarjana kembali menumpukan kajian terhadap naratif politik lama dengan memberi titik fokus terhadap pengembalian sokongan kepada UMNO. Penerusan kitaran politik lama ini semakin mendapat perhatian, terutamanya melalui beberapa siri Pilihan Raya Kecil (PRK) dalam tahun 2019. Misalnya, dalam PRK Cameron Highlands, terdapat unsur Melayu-Islam

yang dikatakan menjadi faktor penting kepada kemenangan calon UMNO berbanding calon India PH yang merupakan calon tradisi Cameron Highlands (Vellymalay, 2019a). Dalam PRK Semenyih pula, dikatakan bahawa PRK tersebut berkisarkan kepada politik kekauman (Saravanamuttu, 2019). Tidak terkecuali bagi PRK di Rantau, trajektori Melayu-Islam kekal mendapat tempat yang diujahkan sebagai faktor kepada kemenangan UMNO di Rantau (Vellymalay 2019b).

Kecondongan ke atas wacana neofeudal ini di Semenyih dan Rantau turut dinyatakan sebagai berdiri atas isu hak keistimewaan orang Melayu, institusi monarki Melayu, dan naratif Islam (Norshahril Saat, 2019). Manakala, kajian Shah Mohd Akmal (2020) pula mendapati wujudnya pengaruh refeudalisasi dalam karakter pengundian orang Melayu pasca PRU-14 yang dipercayai berbangkit daripada persepsi kelemahan PH/BERSATU menangani isu-isu ketuanan Melayu. Antara isunya ialah konflik antara monarki Johor-BERSATU, isu pembunuhan anggota bomba, Muhammad Adib, isu ratifikasi *International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD), isu Statut Rom, isu pengiktirafan sijil peperiksaan Unified Examination Certificate (UEC), isu ekstradisi pendakwah India, Zakir Naik, dan isu pembebasan anggota Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE).

Bagi negeri Johor, pengoperasian politik neofeudal menjadi identiti politik negeri ini sekian lama berdasarkan pertautan historikal nilai-nilai sentimental antara negeri ini dan parti UMNO. Hal ini diandaikan berdasarkan faktor kelahiran UMNO yang turut bermula di Johor. Penglibatan monarki Johor dalam pembentukan parti Melayu ini juga menjadikan kitaran tradisi tersebut berkekalan hingga ke era kontemporari. Aspek ini turut memberi gambaran serupa

terhadap nuansa pilihan raya Johor apabila sistem sokongan turut terbentuk melalui psikologi feodal. Jajaran ini juga merupakan sebuah norma bagi negeri Johor memandangkan negeri ini merupakan di antara tiga negeri utama dengan 'tangki' FELDA paling dominan, dengan kira-kira 15 peratus kawasan FELDA di belakang Pahang (33 peratus) dan Negeri Sembilan (26 peratus) (Khor & Chia, 2020). Tangki undi orang Melayu ini juga sebahagian besarnya disumbangkan oleh 72 buah FELDA di negeri tersebut yang menjadikannya sebagai 'aset' substantif, iaitu, sebagai 'vote bank' undi Melayu. Sejak sekian lama, pengundi-pengundi FELDA memberikan taat setia kepada UMNO atas jasa dan budi, terutama melalui pelbagai jaringan

ekonomi dan politik kebendaan yang disumbangkan parti tersebut (Khor, 2014 & Mohammad Agus & Shah Mohd Akmal, 2019).

Atas dasar itu, Johor sering dikorelasikan bersama-sama dengan UMNO sehingga memunculkan label Johor sebagai kawasan deposit tetap UMNO (lihat Thor Ker Pong & Tan Yen Yee 2016; Mohamed Nawab & Rashad Ali 2018). Label "deposit tetap" ini muncul berdasarkan keutuhan UMNO Johor untuk kekal dominan meskipun beberapa negeri lain mula menunjukkan peralihan kepada parti alternatif bermula dari PRU-10 hingga PRU-13. Jadual 1 di bawah menunjukkan kekuatan dan dominasi UMNO di Johor sejak PRU-10.

**Jadual 1:** Dominasi UMNO-BN dari PRU-10 hingga PRU-13

Pilihan Raya	Dewan Rakyat		Dewan Undangan Negeri	
	Menang	Kerusi Ditandingi	Menang	Kerusi Ditandingi
PRU-10 (1999)	13	13	25	25
PRU-11 (2004)	16	16	33	33
PRU-12 (2008)	16	16	32	35
PRU-13 (2013)	15	16	32	34

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya.

PRN Johor 2022 yang berlangsung pada 12 Mac 2022 merupakan sebuah proses yang perlu diberi perhatian dalam menelusuri kedinamikan politik Melayu Johor. Cerminan ini juga mampu dilihat sebagai model penting kepada tinjauan preliminari Pilihan Raya Umum ke-15 yang kian tiba. Bagaimanapun, perlu difahami bahawa kedinamikan politik Malaysia pada masa kini mampu berubah secara drastik terutama melalui isu-isu yang melingkari nuansa semasa seperti tekanan ekonomi; merangkumi kenaikan harga barang, inflasi, bantuan sosial dan lain-lain. Justeru, kerangka temporal bagi kajian ini ialah terhad pasca PRN Melaka, iaitu pada November 2021 sehingga berakhirnya PRN Johor pada Februari 2022. Maka, PRN Johor 2022 bukan satu-satunya sandaran kepada apa yang bakal berlaku dalam PRU-15.

Untuk itu, kajian ini merumuskan beberapa persoalan sebagai gagasan asas kajian. Bagaimanakah kedinamikan politik Melayu dalam PRN Johor 2022 melalui korelasi politik baharu dan lama dalam PRN Johor 2022? Di sebalik penonjolan naratif politik baharu yang lebih menonjol, apakah masih wujud penerusan pengaruh politik lama dalam PRN Johor? Bagaimanakah persaingan antara UMNO dengan parti Melayu alternatif? Artikel ini menjawab persoalan-persoalan ini di bahagian selanjutnya.

### **Politik Lama versus Politik Baharu**

Pada dasarnya, dinamika politik Melayu Johor dalam PRN 2022 berkisar dalam dua angkubah ini yang menampilkan darjah kedinamikan tersendiri. Dalam memahami pengoperasian politik lama, Flanagan dan

Lee (2003), membahagikannya kepada empat bahagian: pertama, politik lama berupaya mewujudkan nilai seperti kebertanggungjawaban, penghormatan dan kesetiaan terhadap pihak yang berkuasa bagi menguatkuasakan peraturan dan melakukan kawalan sosial. Kaedah ini memunculkan sebuah tanggapan bahawa pandangan diri sendiri tidak bernilai atau mempunyai makna melebihi pandangan pihak autoriti atau mereka yang berkuasa; kedua, amalan politik lama dilihat bergerak ke arah kepercayaan tradisional, dan budaya ini menyebabkan wujudnya ketertutupan minda sehingga sebarang idea dan kepercayaan baharu sukar untuk diaplikasikan dan diterima; ketiga, amalan politik lama kondusif dengan norma lazim dan lebih berhati-hati untuk berubah; dan keempat, amalan politik lama mempunyai ketetapan dan garis ukuran yang jelas dalam menilai suatu perkara sama ada baik ataupun buruk (Flanagan & Lee, 2003).

Dalam memahami pengoperasian politik lama dalam skop lokal, Muhamad Takiyuddin dan Sity (2016) memperincikan lapan ciri-ciri politik lama yang berkisar dalam pengamalan politik negara. Kelapan-lapan perkara tersebut ialah: politik pernaungan, politik feudal, politik pembangunan, politik perkauman, politik ketakutan, politik dominasi institusi, politik kawalan, dan politik tanpa penimbal. Ciri-ciri yang diutarakan ini pada dasarnya menjelaskan tentang kewujudan dan penerusan amalan politik lama dalam sejarah panjang Malaysia yang tidak dapat dipisahkan, khususnya dalam era pemerintahan Mahathir (1981-2003). Hal ini muncul akibat kadar dominasi dan kawalan yang tinggi menerusi apparatus kerajaan dengan pelaksanaan akta-akta yang membatasi kebebasan rakyat misalnya melalui Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA). Bahkan, model politik lama ini juga diteruskan dalam penggal kedua pemerintahan Najib Razak (2009-2018) melalui pembawaan politik perkauman dalam kadar tinggi disulami dengan unsur-

unsur politik kawalan dan ketakutan melalui akta-akta yang diperkenalkan (Fuston, 2019).

Begitu pun, penyerapan dan kelancaran pembudayaan politik lama di Malaysia dapat difahami dengan telusuran historikal melalui kajian-kajian pasca merdeka yang menjelaskan kitaran budaya politik Melayu. Misalnya, kajian sohor Chandra Muzaffar, *Pelindung* (1992), menjelaskan dengan baik tentang faktor penundukkan dan ketaatan masyarakat Melayu tradisional terhadap sosok pemimpin. Hierarki masyarakat Melayu tradisional yang meletakkan pemerintah pada kedudukan tinggi, disanjung dan ikatan taat setia telah membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai nilai ketaatsetiaan yang tinggi kepada sosok pemimpin. Mazli Bidu & Jamaie Hamil (2019) berpendapat unsur-unsur feudal seperti taat setia, submisif, dan akur amat sukar dihapuskan dan masih dipraktikkan oleh masyarakat pada masa kini. Mujibu (2012) pula melihat kerangka ini telah mencipta satu jaringan sosial bersifat *dyad* (saling memerlukan) yang dibentuk menerusi amalan penaungan (*patronage*).

Atas itu, ciri-ciri yang dinyatakan Muhamad Takiyuddin dan Sity (2016) berjaya dioperasikan secara substantif dalam nuansa politik Malaysia sejak sekian lama. Begitu pun, dari kelapan-lapan ciri yang dinyatakan itu, ia dapat dibahagikan kepada dua kaedah pengoperasian. Pertama, kaedah pengukuhan regim; lazimnya dioperasikan untuk melicinkan kawalan total ke atas massa melalui politik ketakutan, politik dominasi institusi, politik kawalan, dan politik tanpa penimbal. Kedua, medium pengekalan regim; lazimnya dioperasikan semasa pilihan raya yang dijelmakan melalui naratif politik perkauman, politik pembangunan, politik penaungan dan politik neofeudal (lihat Jadual 2). Kesemua elemen ini digunapakai sebagai medium pencegahan (*deterrence*) untuk mengekal

dan memperkukuhkan regim dalam koridor kuasa. Maka, nuansa politik dan pilihan raya di Malaysia sering berkitar

dalam angkubah politik lama sejak sekian lama.

**Jadual 2:** Dua Jenis Pengoperasian Politik Lama di Malaysia

Bil.	Pengekalan Regim	Perincian	Pengukuhan Regim	Perincian
1.	Politik perkauman	Penggunaan isu-isu etnisiti secara langsung dan tidak langsung dalam menyasarkan sokongan etnik tertentu.	Politik ketakutan	Politik yang menjurus kepada amalan gertakan melalui apparatus kerajaan.
2.	Politik pembangunan	Menjadikan janji-janji pembangunan sebagai medium pengolahan persetujuan bersama.	Politik dominasi institusi	Pengawasan total ke atas institusi kerajaan seperti institusi keselamatan dan badan pelaksanaan undang-undang.
3.	Politik penaungan	Mewujudkan hubungan antara pihak penaung-dinaung dalam mendapatkan imbalan.	Politik kawalan	Bersifat tertutup melalui kawalan kebebasan yang tinggi.
4.	Politik neofeodal	Praktis amalan tradisional dalam bentuk baharu melibatkan ketaatsetiaan dan penundukkan.	Politik tanpa penimbal	Kawalan koersif atau konsensus terhadap kuasa ketiga.

Sumber: Adaptasi perbincangan.

Bagaimanapun, penghakisan dominasi UMNO melalui Pilihan Raya Umum ke-10 (PRU-10) (1999) mula memunculkan tipo binari, iaitu politik baharu. Perkembangan ini disebabkan pembawakan politik lama yang diterapkan UMNO-BN mulai melemah. Pengukuran terhadap transisi dari politik lama kepada politik baharu kebanyakannya disandarkan kepada prestasi UMNO-BN dalam PRU. Atas perkembangan ini, terma politik baharu mula disentuh dalam domain akademik tempatan. Sarjana tempatan seperti Francis Loh (2000; 2003; 2009), Mohd Yusof Kassim & Azlan Ahmad (2002), Mohd Azizudin (2009), Muhamad Takiyuddin & Sity (2016) dan Muhamad Takiyuddin dan Amalin Sabiha (2016) yang menelusuri perjalanan politik baharu di Malaysia dari PRU-10 (1999) sehingga ke PRU-13 (2013).

Pada dasarnya, politik baharu dapat difahami sebagai proses yang menuntut nilai-nilai baharu yang ditolak oleh politik lama. Hal ini bermaksud politik baharu dilatari oleh nilai-nilai universal seperti kemanusiaan, kebenaran, kebebasan dan keberkesanan (Maestro Paolo, 2012). Dari konteks Malaysia, pelopor politik baharu, Francis Loh (2005), memperincikan ciri-ciri politik baharu dalam kerangka tempatan, iaitu pembawakan politik yang tidak disempitkan dengan amalan politik perkauman dan politik pembangunan, tetapi lebih tertumpu kepada perjuangan isu-isu universal seperti keadilan, ketelusan, tadbir urus baik dan kepentingan awam. Dihujahkan bahawa kemunculan politik baharu di Malaysia turut bertitik tolak daripada sebuah kaunter tindakan (*counter-reaction*) dan refleksi terhadap pengoperasian politik UMNO-BN (lihat Jadual 3).

**Jadual 3:** Pengoperasian Politik Baharu di Malaysia

<b>Bil.</b>	<b>Anti-Pengekalan Regim</b>	<b>Perincian</b>	<b>Anti-Pengukuhan Regim</b>	<b>Perincian</b>
1.	Politik rentas kaum	Memberatkan naratif masyarakat plural dan tidak tertumpu kepada segmen etnik tertentu.	Politik terbuka dan liberal	Pemerintahan yang lebih terbuka terhadap kritikan tanpa cengkaman apparatus kerajaan.
2.	Politik progresif	Penguar-uaran politik yang pro demokrasi dan pendemokrasian.	Politik nyah-dominasi institusi	Tidak menggunakan apparatus kerajaan seperti institusi keselamatan sebagai mekanisme cengkaman rakyat.
3.	Tadbir urus baik	Menawarkan sistem pemerintahan kerajaan yang lebih efektif.	Kebebasan politik	Mempunyai darjah kebebasan bersuara, berpolitik dan berekspresi yang lebih tinggi.
4.	Integriti dan transparansi	Menentang amalan rasuah, nepotisme dan kronisme	Politik dengan penimbal	Penglibatan kuasa ketiga sebagai medium semak dan imbang.

Sumber: Adaptasi perbincangan.

Dari tahun 1999 hingga 2018, naratif politik oposisi yang dibawakan berkisarkan kepada politik reformasi melalui pembawakan isu-isu politik baharu sebagaimana yang digariskan Loh (2005). Selepas sentakan terhadap dominasi UMNO dalam tahun 1999, peleraian dominasi UMNO ini meneruskan lanjutannya dalam Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) melalui kegagalan memperoleh majoriti dua pertiga dan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), apabila keputusan yang diperolehi BN berterusan merosot sehingga hilang undi popular kepada Pakatan Rakyat (PR). Isu-isu yang berlegar kesemuanya tertumpu kepada perjuangan menentang nilai politik lama yang dioperasikan UMNO melalui agenda reformasi.

Trend dominasi isu politik baharu ini berterusan sehingga membawa kejatuhan UMNO-BN dalam PRU-14. Hal ini turut menimbulkan tanggapan majoriti tentang

penerimaan massa terhadap nilai-nilai politik baharu berpaksikan isu seperti kos sara hidup, skandal salah laku kerajaan dan aspek tadbir urus yang melimpahi imej kerajaan pentadbiran UMNO-BN (lihat Oswald & Oliver, 2020; Fuston, 2019).

Begitu pun, politik pasca PRU-14 khususnya melalui politik lama dan baharu menampilkan trajektori yang rencam melalui beberapa siri pilihan raya kecil (PRK) dan PRN. Pemaotan terhadap nilai politik lama dan baharu tidak lagi secara mudah diafiliasikan kepada sesebuah parti sebagaimana sebelum PRU-14. Khususnya dalam politik Melayu, wujudnya peralihan yang rencam terhadap pembawakan politik mereka. Pengolahan 'agenda' parti juga kini lebih dilakukan secara berhati-hati untuk disesuaikan dengan nuansa semasa yang berlegar dalam kalangan massa. Perkembangan ini menimbulkan pertanyaan tentang bagaimanakah situasi dalam PRN Johor 2022? Berdasarkan

persoalan ini, kajian ini menggunakan kedua-dua konsep ini sebagai alat analisis berdasarkan kes empirikal dalam PRN Johor 2022. Untuk kajian ini, sebanyak empat elemen politik lama yang digunapakai sebagai alat analisis, iaitu politik pernaungan, politik feudal, politik pembangunan, politik perkauman. Politik baharu pula merangkumi politik rentas kaum, politik progresif, tadbir urus baik, integriti dan transparansi.

### Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Kaedah pengumpulan data primer dan sekunder digunakan dalam kajian ini. Data-data primer didapati melalui dua kaedah, iaitu pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian lapangan dilakukan semasa kempen pilihan raya berlangsung melalui partisipasi secara langsung dalam sesi *walkabout* calon, rapat umum dan tinjauan reaksi pengundi Melayu di Johor.

Kaedah yang signifikan dalam kajian ini ialah melibatkan sesi temu bual, iaitu temu bual tidak berstruktur. Informan dan pihak-pihak yang ditemu bual merupakan wakil daripada parti-parti bertanding dan beberapa informan daripada badan penyelidik. Kesemua informan ini terlibat secara lapangan di dalam PRN Johor 2022.

Berikut merupakan informan yang di temu bual dalam kajian ini:

1. Mohd Solihan Badri, Calon PN N04, Gambir.
2. R. Amri Abada, Ketua Pemuda UMNO Batu Sapi, Sabah.
3. Mohd Akmal Mohd Za'ai, AJK Pemuda UMNO Pasir Gudang.
4. Muhd Khalid Yahya, Setiausaha Amanah Pasir Gudang.
5. Afiqah Zulkifli, Calon MUDA N07 Bukit Kepong.
6. Azlan Zainal, Pengurus Operasi Badan Penyelidikan Ilham Centre.

7. Mohd Daud Mat Zin, Felo Kanan, Badan Penyelidikan Bait Al-Amanah.

Sumber sekunder diperolehi melalui kajian kepustakaan; terdiri daripada dokumen, buku ilmiah, jurnal, disertasi, laporan, media elektronik seperti akhbar atas talian, media sosial, webinar dan video-video berkaitan. Kajian kepustakaan bertujuan mendapatkan maklumat awal, memahami teori dan generalisasi yang telah dibuat berkaitan subjek kajian. Sulaman antara data primer dan sekunder memastikan analisis data dapat dituntaskan dan menjawab persoalan kajian.

### Pilihan Raya Negeri Johor 2022: Kesignifikanan, Naratif dan Sekitaran

PRN Johor merupakan sebuah refleksi yang relatif penting dalam menggambarkan keputusan PRU-15. Kepentingan Johor ini digambarkan dengan cukup jelas oleh Presiden UMNO, Zahid Hamidi (2018-kini) dalam satu ucapannya di Konvensyen UMNO Johor pada 2019:

“...UMNO Johor mempunyai tugas yang sangat besar. Masa depan UMNO sebenarnya berada di sini. Johor adalah nadi dan nafas UMNO. Jika UMNO terus ditolak di Johor, maka UMNO akan ditolak di seluruh negara”.

PRN Johor 2022 julung kalinya menampilkan suasana yang lesu dan didominasi oleh sebahagian besar rakyat yang menampilkan sikap ‘tidak kisah’ dengan pilihan raya yang berlangsung (Muhd Khalid Yahya, 2022: temu bual; Mohd Daud, 2022: temu bual). Perkara ini dibuktikan melalui peratusan keluar mengundi hanya sekitar 54.92%. Bagaimanapun, di sebalik sindrom kelesuan demokrasi ini, PRN Johor julung kali menjadi medan ujian pertama bagi pelaksanaan umur layak mengundi dari 21



tahun kepada 18 tahun yang berhasil dipinda. Menurut kajian Ilham Center, PRN Johor menyaksikan pertambahan pengundi sebanyak 30%, iaitu, seramai 749,741 orang sebagai pengundi kali pertama (Azlan Zainal, 2022: temu bual). Penurunan had umur mengundi ini menyebabkan pengundi Johor meningkat kepada 2.5 juta berbanding 1.8 juta dalam PRU-14.

Dalam menjelaskan faktor berlakunya PRN Johor 2022, kegoyahan kerajaan Johor pada dasarnya telah pun bermula pasca Langkah Sheraton selepas UMNO kembali menerajui negeri tersebut melalui satu kerjasama strategik antara UMNO, BERSATU, MIC dan PAS. Kerjasama ini

membentuk kerajaan negeri Johor yang dipimpin oleh Pengerusi UMNO-BN Johor, Hasni Mohammad (2020-2022), sebagai Menteri Besar Johor ke-18, dengan menggantikan Menteri Besar Johor ke-17, Sahrudin Jamal (2019-2020) daripada BERSATU. Berikutan itu, kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan Hasni Mohammad telah mendapat sokongan 29 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), berbanding PH yang hanya mempunyai 27 sokongan ADUN. Dengan perbezaan dua kerusi ini, telah melayakkan Hasni Mohammad memimpin kerajaan negeri Johor melalui perkongsian kuasa dengan jajaran yang dinamakan sebagai Perikatan Nasional (PN) (lihat Jadual 4).

**Jadual 4: Perbandingan Kerusi Kerajaan Johor 2020-2022**

Kedudukan Kerusi Pra Langkah Sheraton			Kedudukan Kerusi Pasca Langkah Sheraton		
Parti	Tahun	Kerusi	Parti	Tahun	Kerusi
Pakatan Harapan	2018 – 2020	36	Pakatan Harapan	2020 – 2022	29
Barisan Nasional	2018 – 2020	19	Perikatan Nasional	2020 – 2022	27
Parti Islam Malaysia	Se-2018 – 2020	1			

Sumber: Diubahsuai daripada Dewan Negeri Johor.

Pasca BN kembali memerintah Johor, ura-ura pembubaran telah pun didengari sejak PRN Melaka, terutamanya melalui pertelagahan antara Shahrir dan Muhyiddin. Kemenangan dua pertiga kerusi UMNO dalam PRN Melaka menjadi pendorong untuk UMNO/Johor membubarkan DUN bagi menghadapi PRN Johor. Tindakan ini boleh diandaikan sebagai strategi yang efektif melalui dua perkara. Pertama, kesegaran mentaliti kemenangan dan kedua, ujian rintis yang telah diselesaikan di Melaka membuktikan kesediaan BN. Ditambah pula dengan kematian mengejut ADUN N47 Kempas

daripada BERSATU, Osman Sopian menjadi perencah tambahan dalam mengukuhkan naratif 'kerajaan tidak stabil' untuk menjustifikasikan tindakan tersebut (lihat Jadual 5). Justifikasi ini penting dalam mengelakkan kesan boomerang (*boomerang effect*) memandangkan kitaran angin rakyat Malaysia yang telah bosan dengan krisis politik berulang-ulang kali. Ketiadaan naratif yang populis untuk menjustifikasikan tindakan membubarkan DUN berisiko menyebabkan sesebuah parti tidak dipilih dalam pilihan raya.

**Jadual 5:** Perbezaan Kerusi Kerajaan Johor Selepas Kematian ADUN Kempas

Kedudukan Kerusi Kerajaan		Kedudukan Kerusi Pembangkang	
Parti	Kerusi	Parti	Kerusi
Perikatan Nasional	28	Pakatan Harapan	27

Sumber: Diubahsuai daripada Dewan Negeri Johor.

Oleh itu, tindakan membubarkan DUN Johor dilihat sebagai langkah yang strategik bagi mengukuhkan pendominasian politik UMNO di Johor. Pada 22 Januari 2022, pembubaran DUN Johor telah mendapat perkenan daripada Sultan Ibrahim. Bagaimanapun, pembubaran ini turut mendapat kritikan daripada pihak oposisi melalui Majlis

Presiden PH yang kurang bersetuju dengan tindakan tersebut kerana dikatakan membebankan rakyat dan hanya sebagai mekanisma untuk mendesak Perdana Menteri membubarkan Dewan Rakyat (Mohd Nasaruddin, 2022). Pada akhirnya, PRN Johor 2022 memenangkan BN dengan 40 kerusi (lihat Jadual 6 & 7).

**Jadual 6:** Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor ke-15

Gabungan Parti/Parti Bertanding	Kerusi Bertanding	Kerusi Menang
BN	56	40
Pertubuhan Kebangsaan Melayu BERSATU (UMNO)	37	33
Pertubuhan Cina Malaysia (MCA)	15	4
Kongres India Malaysia (MIC)	4	3
PH + MUDA	57	12
Parti Keadilan Rakyat (PKR)	20	1
Parti Tindakan Demokratik (DAP)	14	10
Parti Amanah Negara (AMANAH)	16	1
Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)	7	1
PN	56	3
Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)	33	2
Parti Islam Se-Malaysia (PAS)	15	1
Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN)	8	0
Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG)	42	0
Parti Warisan Sabah (WARISAN)	6	0
Parti Sosialis Malaysia (PSM)	1	0
Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTERA)	1	0
Parti Bangsa Malaysia (PBM)	4	0

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya, 2022.

**Jadual 7: Keputusan PRN Johor di Kawasan Majoriti Melayu**

Kawasan 70 Peratus Melayu			Kawasan 50 – 69 Peratus Melayu		
DUN	Demografi	Menang	DUN	Demografi	Menang
Penawar	Luar Bandar	UMNO	Pasir Raja	Luar Bandar	UMNO
Sedili	Luar Bandar	UMNO	Serom	Pinggir Bandar	UMNO
Sri Medan	Luar Bandar	UMNO	Machap	Luar Bandar	UMNO
Semarang	Luar Bandar	UMNO	Bukit Naning	Pinggir Bandar	UMNO
Tenggaroh	Luar Bandar	MIC	Larkin	Bandar	UMNO
Johor Lama	Luar Bandar	UMNO	Pemanis	Pinggir Bandar	UMNO
Benut	Luar Bandar	UMNO	Senggarang	Pinggir Bandar	UMNO
Regit	Luar Bandar	UMNO	Bukit Pasir	Pinggir Bandar	UMNO
Tanjung Surat	Luar Bandar	UMNO	Pulau Sebatang	Pinggir Bandar	UMNO
Endua	Luar Bandar	BERSATU	Maharani	Pinggir Bandar	PAS
Panti	Luar Bandar	UMNO	Kukup	Luar Bandar	UMNO
Parit Raja	Pinggir Bandar	UMNO	Gambir	Pinggir Bandar	UMNO
Semerah	Pinggir Bandar	UMNO	Tiram	Bandar	UMNO
Kahang	Luar Bandar	MIC	Buluh Kasap	Luar Bandar	UMNO
Sungai Balang	Luar Bandar	UMNO	Kempas	Bandar	UMNO
Bukit Kepong	Pinggir Bandar	BERSATU	Layang-Layang	Luar Bandar	UMNO
			Parit Yaani	Pinggir Bandar	UMNO
			Mahkota	Bandar	UMNO
			Pekan Nanas	Pinggir Bandar	MCA
			Permas	Bandar	UMNO
			Kemelah	Pinggir Bandar	MIC
			Bukit Permai	Pinggir Bandar	UMNO
			Simpang Jeram	Pinggir Bandar	Amanah

Sumber: Diubahsuai daripada Ilham Center (2022).

## Politik Melayu Johor dalam Lokus Politik Baharu

### *Kedinamikan Politik UMNO*

Dalam tempoh yang panjang, naratif politik Melayu yang dipelopori UMNO lebih dioperasikan dalam dimensi politik lama. Pasca PRU-13, peralihan positif undi Melayu kepada UMNO mula diberikan perhatian khusus sebagai sebuah prospek dalam menentukan kemenangan UMNO dalam PRU-14. Penyasaran undi UMNO yang lebih menumpukan politik Melayu luar bandar menyebabkan naratif Melayu-Islam diperkasakan dalam menyemai jenama UMNO dalam episteme pengundi Melayu luar bandar. Atas itu, retorik yang berlingkar dalam kerangka politik lama acap kali dilancarkan secara agresif.

Dalam tahun 2014, Najib mula menampilkan karakter lunak dengan idea pelaksanaan Hudud di Kelantan. Kelunakan ini dipasarkan secara terbuka menerusi perkongsian pentas Najib dengan kepimpinan PAS dalam seminar alumni Al-Azhar pada Disember 2015 sebagai strategi memperkasakan sentimen Melayu-Islam.

Dalam masa yang sama, politik kawalan turut dioperasikan secara holistik. Najib memperkasakan kuasa eksekutif melalui pelaksanaan akta-akta kawalan merangkumi Akta Anti-Berita Palsu, Akta Pencegahan Keganasan (POCA & POTA) dan Akta Majlis Keselamatan Negara yang memberikan kuasa Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat (Funston, 2019). Pengoperasian politik lama ini berterusan

sehingga kejatuhan UMNO-BN dalam PRU-14 yang gagal menangkis naratif politik baharu khususnya melalui skandal ‘ulung’, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam PRN Johor 2022, sandaran terhadap pembawakan politik baharu menjadi pertimbangan utama parti-parti yang bertanding memandangkan nuansa semasa didominasi oleh isu-isu politik baharu. Keadaan semasa negara yang sedang dalam krisis kesihatan menyaksikan isu-isu yang lebih kontemporari merangkumi isu yang ‘lebih penting’ seperti masalah ekonomi menjadi medium kempen yang signifikan untuk mempengaruhi pengundi. Pada era pandemik COVID-19, keadaan ekonomi Malaysia mahupun global seakan mengulangi era ‘*the great regression*’—menggambarkan tentang hambatan maha dahsyat terhadap ekonomi mikro dan makro.

Di Johor, isu ekonomi seperti pengangguran, peluang pekerjaan, peningkatan harga barang, isu peningkatan harga perumahan dan lesen perniagaan menjadi isu yang dominan disuarakan (Muhd Khalid, 2022: temu bual). Atas himpitan ini, polemik pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjadi subjek dominan yang kerap disebut-sebut oleh pengundi Johor (Mohd Akmal 2022: temu bual). Nuansa politik semasa ini secara tidak langsung meneggelamkan isu-isu Melayu-Islam yang menjadi trend dominan pasca PRU-14, khususnya dalam era PH.

Selain daripada isu ekonomi, sisi lain yang menjelaskan tentang penjalaran politik baharu dalam PRN Johor turut berpaksikan kepada fenomena yang berlaku sebelumnya. Jika diteliti, pasca peralihan kerajaan di luar lingkungan pilihan raya pada Februari 2020, soal kestabilan politik berterusan menjadi subjek berbangkit. Pada dasarnya, terdapat titik temu yang memangkin pendominasian isu ini. Isu

kestabilan berbangkit berdasarkan rangkaian-peristiwa (*chain-of-events*) natijah daripada apa yang berlaku dalam langkah Sheraton. Pasca dari itu, trend ini berlanjutan terutama selepas berlangsung PRN Sabah 2021 yang turut dipacu oleh isu kestabilan. Pada akhirnya, naratif ‘kestabilan politik’ ini berterusan menjalar hingga ke negeri Melaka, Sarawak dan terakhir Johor yang kesemuanya berakhir dengan pilihan raya.

Atas perkembangan ini, secara tidak langsung naratif ‘kestabilan politik’ menjadi medium kempen efektif yang disesuaikan dengan kitaran semasa. UMNO-BN yang sinonim dengan pengamalan politik lama atau dalam darjah tertentu lebih dominan dengan ideologi konservatif kini mula menampilkan naratif yang berbeza melalui sentuhan substantif terhadap agenda reformasi. Sesuai dengan pencorakan agenda reformasi, UMNO-BN menjadikan kestabilan sebagai agenda utama dengan mengangkat tema ‘Ikhtiar BN Johor untuk Kestabilan Masa Depan.’ Dalam manifesto parti tersebut, terdapat lima perkara dominan yang diketengahkan, iaitu kemajuan ekonomi, kesejahteraan rakyat, orang muda Johor, pentadbiran berintegriti dan reformasi politik. Kesemua penawaran yang dikemukakan UMNO-BN ini menunjukkan sebuah dinamika segar dalam kitaran politik Melayu yang kebiasaannya hanya dibawakan oleh parti oposisi seperti PH yang ditanggapi sebagai satu-satunya pejuang politik progresif.

Berpaksikan kepada pelegaran isu melompat parti, UMNO-BN turut memanfaatkan isu ini dengan membawakan idea penyegaran demokrasi melalui beberapa cadangan penggubalan dasar, iaitu pelaksanaan Enakmen Anti Lompat Parti, menambah Jawatankuasa Pilihan Khas, memperluas peranan Jawatankuasa Penyelaras Khas DUN dan melaksanakan persempadanan semula bagi mendapatkan keimbangan jumlah rakyat yang diselia di sesebuah DUN (Manifesto

BN Johor, 2022). Pengoperasian pembawakan politik baharu ini dioperasikan sebaiknya oleh ‘Poster boy’ Johor, Hasni Mohammad yang menjadi aktor penting dalam menonjolkan imej baharu politik UMNO-BN Johor sebagai kondusif pendemokrasian. Maka, isu pendemokrasian yang tidak sinonim dengan kaedah kempen pilihan raya UMNO seperti pemberian peruntukan seimbang kepada wakil rakyat oposisi kini menjadi subjek dominan parti tersebut. Elemen demokrasi progresif seperti konsep semak dan imbang turut diberatkan bersama-sama dengannya. Dalam satu akhbar yang disiarkan media *Bernama*, Hasni menyatakan:

“...Itu penting kerana tak guna kita ada pembangkang yang jadi Pak Turut. Wakil rakyat di sebelah kerajaan terus merangka program-program yang sepatutnya dilakukan, sementara di pihak pembangkang juga sewajarnya menjadi semak dan imbang” (*Bernama*, 2022).

Strategi rekonstruksi imej untuk memunculkan imej bersih dan berintegriti turut diadunkan bersama rangka tindakan BN Johor yang mewajibkan pengisytiharan aset oleh semua ADUN kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) (Mohd Daud, 2022: temu bual). Penonjolan karakter kondusif integriti menjadi pemboleh ubah signifikan

kepada UMNO memandangkan rekod parti tersebut yang sedia tercalar terutama melalui kes-kes berprofil tinggi melibatkan pemimpin utama parti tersebut.

Keseluruhannya, perkembangan ini menjadi pertimbangan penting dalam menggambarkan transisi politik Melayu UMNO yang mula mengimbangi pembawakan politik baharu yang kebiasaannya sinonim dengan parti oposisi. UMNO-BN Johor menurunkan darjah pembawaan politik lama yang berlebihan pasca PRU-14 dengan mula merangkumkan prospek pengundian terhadap Melayu bandar dan bukan Melayu melalui tawaran agenda yang lebih progresif. Perkembangan ini menyaranakan tentang UMNO-BN Johor yang menonjolkan dinamika dari parti ultra-konservatif Melayu (pasca PRU-14) kepada parti yang berimejkan konservatif Melayu progresif dalam PRN Johor 2022. Strategi pembawakan politik baharu ini juga sebahagian besarnya signifikan dalam memulihkan reputasi dan imej UMNO Johor untuk setidak-tidaknya mbingkaikan komitmen ‘pembersihan’ dan rehabilitasi dalam kerangka demokrasi dan tadbir urus baik. Ditambah pula dengan beberapa pemimpin nasional UMNO yang masih lagi terpalit dengan kes mahkamah, rekonstruksi imej baharu yang lebih progresif dan bersih amat signifikan buat survival UMNO-BN dalam PRN Johor 2022.

**Jadual 8:** Pembawaan Politik Baharu UMNO-BN

Bil.	Kriteria	Perincian
1.	Reformasi Politik	Enakmen anti-lompat parti, penambahan Jawatankuasa Pilihan Khas ( <i>select committees</i> ), memperkemas sistem lantikan ketua kampung, pengurangan birokrasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
2.	Politik Integriti	Pengisytiharan aset, pelaksanaan pentadbiran digital.
3.	Pendemokrasian	Pembahagian peruntukan ADUN yang seimbang, mewujudkan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) untuk ADUN, Pegawai Utama Kerajaan Negeri dan Ketua Kampung, mengangkat seorang calon muda dari Dewan Muda Johor dalam tempoh lima tahun.

4.	Politik Multietnik	Mengangkat nilai kemajmukan, memperkasa konsep Bangsa Johor.
----	--------------------	--

Sumber: Adaptasi perbincangan.

### ***Pengoperasian Politik Baharu BERSATU***

Sebuah lagi wakil politik Melayu di Johor, iaitu BERSATU/PN, turut tidak ketinggalan dalam membawa isu-isu politik baharu malar segar yang dijadikan subjek utama berkempen. BERSATU/PN mengangkat isu rasuah dan penyelewengan sebagai modal dalam kempen PRN Johor 2022. Konstruksi imej untuk menampakkan komitmen parti tersebut sebagai parti yang anti-rasuah diperkukuhkan lagi dengan tindakan PN yang dikatakan sebagai satu-satunya parti politik di Johor yang mengangkat sumpah menolak rasuah dalam PRN Johor 2022 (Mohd Solihan, 2022: temu bual). Pada dasarnya, strategi ini strategik kerana penekanan terhadap isu rasuah dalam keadaan ekonomi sedang melemah merupakan hal yang signifikan dalam memecahkan domain politik lama atau kontra hegemoni yang melatari kerangka politik negara sejak sekian lama (Muhamad Nadzri & Ghazali, 2008).

Pemerhatian Ghazali Mayudin (2006), dalam PRU 1990, 1995 dan 2004 menunjukkan sokongan tetap kepada BN hanya berlaku ketika wujudnya kestabilan ekonomi walaupun terdapat lambakan salah laku seperti rasuah, salah guna kuasa dan ketidakadilan. Oleh hal yang demikian, ketidakstabilan ekonomi pada era pemerintahan UMNO-BN (dipelopori oleh Perdana Menteri UMNO-BN) dimanfaatkan sebaiknya oleh BERSATU dengan mengangkat isu rasuah sebagai strategi untuk merubah sokongan-sokongan pengundi UMNO yang turut dikenali atas dasar kesetiaan mereka. Maka itu, pembawakan naratif politik baharu ini juga turut dipacu oleh nuansa semasa yang melanda UMNO sebagai satu pemangkin untuk BERSATU/PN turut menggunakan naratif politik baharu dalam PRN Johor

2022.

Kesinambungan daripada tema ‘anti-rasuah’ yang dibingkaikan BERSATU/PN, maka isu-isu yang dialunkan dalam PRU-14 kembali diangkat seperti skandal 1MDB. Meskipun pada skala tertentu, calon N.04 Gambir Mohd Solihin Badri (2022: temu bual) mengakui tentang naratif isu ini yang agak lapuk, tetapi kemudian dijustifikasikan sebagai isu yang masih relevan untuk dibawakan memandangkan kes ini masih dibicarakan di mahkamah. Sebagaimana keberhasilan pembawakan isu ini dalam PRU-14, penyegeran kembali isu nasional ini ke dalam perspektif lokaliti ditanggapi sebagai satu kaedah efektif untuk menyemai mentaliti bahawasanya UMNO-BN merupakan parti yang kurang efisien dan lemah dalam aspek pentadbiran sehingga memunculkan isu salah laku sedemikian.

Perspektif ini juga bertujuan membangkitkan kembali sentimen ‘lawan UMNO’ sebagaimana naratif yang berhasil ditiupkan dalam PRU-14 sebagai satu mesej peringatan agar negeri Johor perlu dielakkan dari terjerumus dengan tadbir urus lemah. Tambahan pula, isu ini turut diangkat kembali atas kesohorannya memandangkan perbicaraan kes ini di Mahkamah New York pada 21 Februari dihangatkan dengan pendedahan Ketua Operasi Asia Tenggara Goldman Sachs, Tim Leissner berkaitan pembelian rumah di London melibatkan dana 1MDB (Fazli, 2022). Atas itu, isu 1MDB kembali dominan di media konvensional dan media baharu yang menjelaskan faktor pembawakan ini dalam PRN Johor 2022.

Dalam PRN Johor, tema PN yang mengetengahkan naratif integriti dan ‘anti-rasuah’ turut menyasarkan liabiliti dalam

UMNO dengan menguar-uarkan terma ‘kluster’ mahkamah sebagai mekanisme kempen BERSATU/PN. Konstruksi imej ‘bersih’ dan ‘berintegriti’ dimunculkan oleh Muhyiddin Yassin berperanan dalam membingkaikannya sebagai seorang aktor politik yang ‘lebih bersih’ berbanding pemimpin UMNO dan perlu dipilih. Dalam menjayakan naratif integriti tersebut, Muhyiddin kembali mengangkat kisah silam tentang pemecatannya pada 2015 sebagai satu pemingkaian karakter pejuang integriti. Tulisan yang dimuat naik di dalam media sosial *Facebook* Muhyiddin berjudul ‘*Siapa Pengkhianat?*’ turut mendedahkan kisah rayuan Zahid Hamidi memintanya campur tangan dalam kes tersebut disusuli dengan kisah keengganannya untuk terlibat sama.

Frasa seperti “...hanya satu cara untuk mengalahkan kluster mahkamah, iaitu dengan memastikan BN kalah dalam PRN Johor” (Muhyiddin, 2022) merupakan konteks yang disandarkan sebagai strategi untuk mempengaruhi minda pengundi untuk menolak parti yang tidak berintegriti dan memilih parti bebas salah laku. Naratif ini secara konsisten diteruskan dalam kebanyakan ceramah politik termasuk ceramah-ceramahnya di kawasan-kawasan luar bandar yang sinonim dengan UMNO. Rapat umum tersebut juga membangkitkan imejnya dengan naratif politik baharu yang berintegriti melewati tradisi politik lama seperti amalan penaung dan dinaung. Teks ucapan Muhyiddin di FELDA Tenggara, Mersing menyatakan:

“...Dia minta saya tolong, yela dia kawan saya, pasal dialah sokong saya. Terima kasihlah. Tapi bukan bermakna saya akan timbal balas sokongan dia dan cari jalan untuk

bebaskan dia,” (dipetik daripada *KiniTv*, 2022).

Kedinamikan politik baharu oleh BERSATU/PN juga dapat dinilai berdasarkan manifesto yang ditawarkan. Berdasarkan Ikrar Perikatan Nasional, subjek ‘mendokong pemimpin dan tadbir urus berintegriti, bebas rasuah serta menolak penyalahgunaan kuasa’ dijadikan sebagai pemuka manifesto parti tersebut. Elemen politik baharu yang ditonjolkan melalui manifesto PN ini kelihatannya serupa dengan pendekatan UMNO-BN dalam menjuarai imej sebagai sebuah parti yang bersih dan perlu diangkat menjadi kerajaan. Walau bagaimanapun, dari skala perbandingan, manifesto mahupun karakter yang dipamerkan BERSATU/PN pada dasarnya masih kurang menojolkan elemen politik baharu secara inklusif sebagaimana yang dipamerkan UMNO-BN (lihat Jadual 8 dan Jadual 9).

Maka, sama ada UMNO-BN mahupun BERSATU/PN—kedua-dua parti konservatif Melayu ini menonjolkan dinamika dengan pembawaan naratif politik baharu dalam PRN Johor 2022. Satu hal yang melingkarinya ialah disebabkan ekologi politik kontemporari yang lebih didominasi oleh kerangka politik baharu. Sebagaimana yang dijelaskan, pandemik COVID-19 yang memacu kepada isu ekonomi, krisis politik lompat parti dan isu mahkamah para pemimpin UMNO yang sedang berada dalam mod hangat—menjadikan naratif politik baharu ini sebagai satu strategi yang sesuai dengan keadaan semasa. Adapun begitu, apakah naratif politik lama tidak langsung dijelmakan dalam PRN Johor 2022? Bahagian seterusnya berbincang lanjut.

**Jadual 9:** Pembawaan Politik Baharu BERSATU/PN

Bil.	Kriteria	Perincian
1.	Integriti	Setiap calon mengangkat sumpah anti-rasuah
2.	Tadbir Urus Baik	Merombak kembali syarikat milik kerajaan negeri, penyediaan Pelan Sedekad Ekonomi Johor, penerapan

		tadbir urus berintegriti dan beretika.
3.	Pendemokrasian	Penolakan amalan penaung-dinaung, menyokong pemimpin bebas salah laku, menolak salah guna kuasa.

Sumber: Adaptasi perbincangan.

### Penerusan Praktis Politik Lama

Meskipun sebahagian besar naratif dalam PRN Johor 2022 ditunjangi oleh pembawakan politik baharu, amalan politik lama kekal berada pada pengoperasiannya. Dari segi teknikal, Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) PRN Johor mendapat kritikan ramai terutama melalui keperluan permohonan permit polis untuk berceramah dan tatacara kempen yang diujahkan sebagai menguntungkan parti kerajaan. Berdasarkan laporan wakil pemerhati pilihan raya, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), terdapat 71 kes salah laku dalam PRN Johor. Antara isu-isu tersebut ialah penjamuan dan pemberian, penggunaan jentera dan sumber kerajaan, pembukaan pondok panas dan perayu undi, dan mengangkut pengundi ke pusat pengundian (*Free Malaysia Today*, 2022). BERSIH juga mendapati wujudnya pemberian tunai secara langsung yang dikaitkan dengan jentera BN di DUN. 56 Kukup (Fayyadh, 2022). Mengukuhkan dakwaan ini, Pengerusi Pejuang, Mahathir turut mendedahkan wujudnya aktiviti membeli undi yang dinyatakan sebagai faktor kekalahan parti baharu tersebut (Chung, 2022). PN pula dikaitkan dengan penjualan barangan di bawah harga pasaran melalui sebuah Pasar Tani di Pagoh (Fiyadh, 2022).

Dalam PRN Johor 2022 juga didapati wujud pengolahan persetujuan melalui politik wang dengan cara baharu, iaitu melalui praktis memuatkan janji-janji berbentuk peruntukan dalam manifesto. UMNO-BN misalnya memuatkan pinjaman tanpa faedah bernilai RM100 juta kepada industri kecil dan sederhana; bantuan kewangan RM150 kepada pelajar

sekolah menengah dan rendah; dan RM500 kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dan bantuan RM1,000 untuk perkahwinan pertama. Begitu juga PN yang menawarkan beberapa mekanisme timbal balik misalnya bantuan dana melalui Skim Prihatin PMKS, bantuan khas kepada nelayan, bantuan baucer tunai kepada belia untuk lesen motorsikal, skim air percuma dan pengecualian bayaran sewa tapak. Praktik ini merupakan suatu tradisi yang kerap dioperasikan dalam kerangka penaung-dinaung untuk mendapatkan persetujuan bersama antara parti politik dan para pengundi melalui konsep timbal balik. Bagaimanapun, dalam PRN Johor 2022, amalan ini kurang signifikan dalam merubah trajektori pengundian berbanding hal-hal yang dibahaskan selanjutnya.

### Kitaran Politik Perkauman

Secara tradisi, pilihan raya di Malaysia sentiasa berkitar dalam angkubah politik perkauman. Faktor yang mendasari trajektori ini dijelaskan dengan baik oleh Shamsul A.B. yang menyatakan:

“...Orientasi politik, bukan ideologi, dalam alam sekitar politik Malaysia tetap berasaskan etnik, malah ada pengaruh subetnik juga. Di satu pihak dalam kalangan etnik Melayu, slogan dan pegangan orientasi mereka terus berkait dengan ‘bangsa, agama dan negara.’ Menyelamatkan bangsa Melayu sebagai cita-cita (dipetik daripada *Harian Metro*, 2022).

Bertitik tolak dari itu, kemenangan UMNO-BN di Johor diujahkan masih dibayangi angkubah politik lama



berdasarkan kepaksian etnik Melayu. Oleh hal yang demikian, PH dalam PRN Johor 2022 menunjukkan darjah kesukaran untuk bersaing dengan dua parti Melayu tulen seperti UMNO dan BERSATU terutama di sebahagian besar kawasan majoriti Melayu luar bandar. Faktor ini dapat difahami melalui trajektori yang berkesinambungan daripada kelemahan PH pasca PRU-14, dalam skop politik baharu dan isu Melayu-Islam yang dilihat lemah oleh orang Melayu melalui tindakan-tindakan tidak strategik PH (Shah Mohd Akmal & Ashraf, 2020). Hal ini disokong pula oleh imej PH yang tidak berpaksikan parti 'Melayu tulen' terutama dengan kewujudan DAP yang masih gagal memecahkan sindrom ketakutan orang Melayu terhadap parti berbasis Cina tersebut. Konteks yang sama turut dibayangi PKR melalui fahaman liberal yang acap kali dibingkaikan kepada sosok dominan parti tersebut, iaitu Anwar Ibrahim.

Politik Melayu luar bandar menjadi perkiraan penting memandangkan angka kawasan yang merangkuminya adalah relatif besar. Di Johor, terdapat 23 peratus kawasan DUN bandar, 36 peratus luar bandar dan 41 peratus pinggir bandar yang juga sebahagiannya merupakan kawasan majoriti Melayu. Hal ini bermakna, majoriti kawasan DUN merupakan kawasan majoriti Melayu. Imej PH yang gagal dimurnikan dalam kerangka politik Melayu luar bandar dan majoriti Melayu menyebabkan gabungan ini menjadi salah satu parti yang tidak diundang di kawasan tersebut. Aspek ini diperakui oleh seorang calon MUDA yang bertanding di DUN Bukit Kepong, iaitu Afiqah Zulkifli (2022: temu bual) tentang karakter dingin dan simbol penolakan yang kerap diterima terutama di kawasan FELDA dan FELCRA berkait rapat dengan sentimen anti PH/DAP.

Dalam PRN Johor 2022, kerangka ini masih dioperasikan secara meluas melalui pembawaan naratif simplistik kekauman

dan agama yang dihalakan kepada PH/DAP dengan menyabitkan parti di bawah naungannya sebagai parti proksi PH/DAP (Afiqah Zulkifli, 2022: temu bual). Misalnya seperti kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Kedah yang juga seorang ahli PAS dengan menyatakan "...Muda alat DAP, rakyat tak akan undi (Malaysia Gazette, 2022). Sejak sekian lama, konteks ini berjaya membentuk episteme warga Melayu luar bandar secara konsisten dengan mendoktrinasi pemikiran mereka bahawasanya memberikan undi kepada oposisi adalah sama seperti mengancam Melayu-Islam. Atas kelemahan imej PH dalam kitaran Melayu-Islam ini secara tidak langsung memberi impak yang positif terhadap kedudukan UMNO dalam kerangka politik Melayu dalam PRN Johor 2022.

### ***Kekentalan Nostalgia Silam: Elemen Jasa dan Budi***

Azmil Tayeb (2022) merangkumkan kemenangan UMNO-BN dalam PRN Johor 2022 sebagai:

"...terdapat satu perasaan nostalgia bahawa keadaan ekonomi adalah lebih baik di bawah BN berbanding sekarang, dengan pandemik dan ekonomi yang teruk. Sama ada ia benar atau tidak, itu soal lain...Rakyat ingin kembali ke zaman kemakmuran dulu, terutama orang Melayu yang membentuk majoriti daripada golongan berpendapatan rendah B40," (Ainin, 2022).

Pandangan ini mempunyai merit dalam menjelaskan tingkah laku pengundi UMNO-BN yang mengekalkan tradisi pengundian berdasarkan faktor jasa dan budi. Apakah justifikasinya? Mengimbu kembali prestasi Menteri Besar Johor yang ke-15, Mohamed Khaled Nordin (2013-

2018), aktor ini menampilkan prestasi yang memuaskan dalam tempoh enam tahun panjang pemerintahan melalui pelaksanaan pelbagai legasi berimpak. Jasa dan budi kerajaan UMNO juga sebahagian besar menyerlah disebabkan lohong prestasi yang ketara berbanding pentadbiran kerajaan PH Johor (2018-2021). Lohong prestasi ini dapat ditelusuri melalui agenda pembangunan yang kurang substantif, termasuk pembatalan projek penting seperti *High Speed Rail* (HSR) di negeri Johor serta krisis politik yang melanda pasca PRU-14 (Mohd Daud, 2022: temu bual).

Dari sudut pandang lapangan, sosok Khaled Nordin yang 'dirindui' rakyat dapat digambarkan melalui soalan-soalan yang diajukan para pengundi tentang status pencalonan mantan Menteri Besar itu dalam PRN Johor 2022 (R. Amrie 2022: temu bual). Prestasi silam yang memuaskan menjadi unjuran penting untuk UMNO membangkitkan kembali elemen jasa dan budi untuk mengingatkan para pengundi Johor tentang 'siapa yang lebih baik' dan berbakti. Kerangka ini diperlihatkan melalui kempen-kempen yang dijayakan Khaled melalui beberapa imbasan jasa-jasa UMNO Johor seperti projek pembinaan Hospital Pasir Gudang, inisiatif mewujudkan Pasar Borneo, Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan usaha permohonan hak milik tanah (Kampung Melayu Pandan, Kampung Sri Makmur, Plentong Baru, Sepakat, Sri Bahagia dan Rumah 10) (dihimpunkan melalui laman sosial Facebook Datuk Seri Hj. Mohamed Khaled Nordin).

Meskipun faktor politik lokaliti menjadi sandaran penting kepada pencorakan tingkah laku pengundian, faktor nasional turut berpengaruh sebagaimana pendominasian isu nasional yang melatari PRU-14 sehingga mengundurkan UMNO-BN dari koridor kuasa. Pengawalan naratif yang baik melalui media sosial menjadikan status Najib Razak bertukar dari aktor

yang tidak popular kepada aktor supra-popular yang kembali disanjung. Pengenduran pengoperasian budaya '*cash-is-king*' dalam pentadbiran PH dengan saranan 'rakyat perlu mengikat perut' dan pengurangan jumlah bantuan tunai menjadi pemangkin dalam mengingatkan kembali nostalgia jasa dan budi Najib sepanjang era pentadbirannya. Sosok Najib yang turut dikenali dengan frasa '*cash-is-king*' kebanyakannya memfokuskan era pentadbirannya dengan budaya pemberian tunai seperti Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM) yang juga merupakan salah satu legasi aktor tersebut. Atas populariti Najib, sosok mantan Perdana Menteri itu turut menjadi aktor signifikan dalam PRN Johor. Tinjauan lapangan mendapati jasanya lebih popular serta diingati oleh lokaliti Johor berbanding sosok Muhyiddin Yasin (R. Amrie 2022: temu bual). Dakwaan ini disilang semak melalui pemerhatian dalam rapat umum yang dihadiri Najib menunjukkan wujudnya partisipasi relatif besar oleh orang Melayu.

Satu lagi parti Melayu, iaitu BERSATU/PN, PRN ini memperlihatkan parti ini mempamerkan kesungguhan dalam memecahkan dominasi UMNO di kawasan majoriti Melayu. Atas dasar menjuarai segmen pengundi Melayu, maka elemen imbasan berkait sentimen jasa dan budi turut dibangkitkan oleh BERSATU dalam program-program politiknya. Ini termasuk saranan 'terus' daripada Ketua Penerangan BERSATU, Wan Saiful Wan Jan yang meminta warga FELDA untuk mengingati jasa dan bakti pemerintahan Muhyiddin terutama berkaitan penghapusan hutang peneroka bernilai RM8.3 bilion (lihat Zulhisham, 2022). Tidak ketinggalan, nostalgia bantuan yang diberikan kerajaan ketika pandemik COVID-19 turut diingatkan secara substantif. Satu rapat umum Muhyiddin di FELDA Tenggara menyentuh hal ini:

“...Kita menghadapi masalah Covid. Tak boleh ada pilihan raya

waktu itu. Ada PKP, PKP, PKP, PKP. Kita bantu rakyat bagi duit, bagi duit, bagi duit, bagi duit. Berapa banyak duit tuan-tuan saya bagi?...Berapa?...Saya bagi RM10? Yang dah diisytiharkan 8 pakej bantuan rakyat, RM580 bilion. Kalau masuk dalam khemah ini, penuh duit,” (*KiniTv*, 2022).

### ***Pengaruh Monarki Johor***

Pandangan Bridget Welsh (2022) dalam forum anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berjudul *Johor State Election: Paving the Way for the Return of Old Politics?* mempunyai merit yang perlu diberi perhatian. Katanya; “...and of course, you have the role of the palace, (which I put here). And of course, that’s just important, not just the sultan but the sultan family”. Pandangan Welsh menggambarkan tentang peranan monarki Johor yang turut mempunyai tempat dalam menentukan trajektori politik di negeri ini. Pandangan Welsh ini pada dasarnya turut serasi dengan pandangan Azlan Zainal (2022: temu bual) yang melihat sentimen yang menjurus kepada nilai ketaatan terhadap monarki Johor adalah utuh di negeri itu. Monarki Johor diujahkan sebagai aktor yang berpengaruh dan mampu menjadi faktor berpengaruh dalam pilihan raya (Mohamed Nawab & Rashaad, 2018).

Satu hal yang menjelaskan fenomena ini ialah berpaksikan kepada pengaruh monarki Johor yang berada dalam kerangka yang utuh dan popular. Pada 2017, satu survei yang dijalankan Yusof Ishak Institute (ISEAS) menunjukkan sebanyak 90 peratus responden Melayu berpuas hati dengan ‘prestasi’ yang ditampilkan monarki Johor dengan 46 peratus meletakkan monarki Johor berada di kedudukan pertama sebagai ‘pemimpin politik Johor’ di hadapan Khaled Nordin (Serina, 2018). Dapatan ini tidak

mengejutkan terutama dengan melihat kembali penonjolan substantif yang dipamerkan pada era kepimpinan Najib Razak (2013-2018) melalui karakter ‘pelindung terangkum’ yang ditonjolkan terutamanya melibatkan kritikan substantif terhadap salah laku kerajaan (lihat Shah Mohd Akmal, 2020; Hutchinson & Vandana, 2016).

Dari sisi pandang ikatan sentimental, hubungan simbiotik antara istana dan UMNO merupakan pertautan silang dalam menjelaskan sikap kondusif monarki Johor terhadap parti konservatif Melayu ini. Sisi historikal yang menjelaskan tentang kelahiran UMNO di Istana Johor memperkasakan lagi keselarian kondusif kedua-dua institusi Melayu ini. Hubungan baik turut lebih mengutuh pasca kembali Mahathir dalam arena politik melalui BERSATU, yang sejak sekian kali dikenali sebagai sosok yang kritikal terhadap institusi monarki, terutama melalui krisis Perlembagaan 1983 dan 1993. Perkembangan ini menjadi asas dalam menjelaskan penolakan monarki Johor terhadap Mahathir dalam PRU-14 yang dinyatakan secara terus melalui satu kenyataan kontroversi tentang ‘Jangan tukar kapal jika enjin masih berfungsi dengan baik’ (lihat *Free Malaysia Today*, 2018).

Dalam PRN Johor 2022, hantaran media sosial *Facebook* Tengku Mahkota Johor (TMJ) pada 14 Februari 2022 memuat naik satu penulisan melalui fakta tentang pelaburan tertinggi yang diperolehi Johor adalah dalam tempoh 2016, 2017 dan 2018. Selepas 2018, prestasi pelaburan di Johor menunjukkan penurunan yang drastik (laman sosial *Facebook* HRH Crown Prince of Johor, 2022). Fakta yang dikemukakan ini pada dasarnya mempunyai merit dalam mendidik masyarakat tentang pilihan rasional dalam pengundian. Begitu pun, jika dinilai dari sisi kritikal, mesej ini memberi indikator tersirat tentang keselarian institusi monarki

tersebut dengan UMNO-BN.

Satu hal yang menjelaskan keselarian ini ialah melibatkan sistem pengoperasian politik UMNO Johor yang lebih memperuntukkan peranan tidak langsung buat monarki Johor untuk setidaknya terlibat dalam menentukan hala tuju pembangunan Johor. Hubungan ini merupakan rahsia terbuka terutama sekali dalam era pentadbiran Khaled Nordin. Bagaimanapun, cerminan kepada pengoperasian politik UMNO ini tidak dipraktikkan pada era PH/BERSATU. Satu sebab yang melatari perkembangan ini ialah disebabkan parti alternatif Melayu tersebut diketuai oleh sosok Mahathir yang dikenali dengan karakter kritikalnya terhadap institusi monarki.

Oleh hal yang demikian, selepas saranan monarki Johor dalam PRU-14 tidak diendahkan dan kemudiannya dirasakan benar melalui kelemahan PH dalam mengemudi negara, sentimen neofeudal (atau patuh kepada saranan monarki) mula mendapat tempat. Sebagaimana yang dinyatakan Azlan Zainal (2022: temu bual), berdasarkan tinjauan lapangan yang dibuat, ikatan antara monarki di Johor dan rakyatnya adalah utuh dan memainkan

pengaruh yang besar dalam mewujudkan elemen kepatuhan terhadap saranan monarki. Respon yang diterima rata-rata melihat pilihan monarki itu adalah yang terbaik buat rakyatnya. Hal ini bermakna, mana-mana parti yang selari dan direstui monarki, maka parti itulah yang cenderung dipilih oleh rakyat Johor.

### **Kemenangan UMNO: Implikasi Kedinamikan Politik Lama**

Jika diteliti, kedudukan kondusif UMNO dalam PRN Johor ini pada dasarnya turut didorongkan melalui perpecahan undi orang Melayu dengan penglibatan beberapa parti Melayu alternatif seperti PH (PKR, Amanah, Muda), PN (BERSATU dan PAS), Pejuang dan Putra melalui pertembungan segmen pengundi Melayu. Dalam PRN Johor 2022, terdapat tujuh kawasan melibatkan pertembungan tiga penjur, 35 kawasan dengan pertembungan empat penjur, lapan kawasan dengan pertembungan lima penjur, empat kawasan dengan pertembungan enam penjur dan tiga kawasan lagi dengan tujuh penjur. Bagaimanakah perpecahan undi ini memberi kelebihan buat UMNO? Jadual 10 dan 11 di bawah memperincikannya.

**Jadual 10:** Perpecahan Undi Melayu dalam PRN Johor 2022

<b>DUN</b>	<b>UMNO</b>	<b>PH + PKR &amp; MUDA</b>	<b>Undi PN</b>	<b>Jumlah Undi PH dan PN</b>
Kempas	11,919	8,405	8,036	16,441
Semerah	12,542	6,265 (PKR)	8,501	14,766
Senggarang	9,725	5,813	5,624	11,436
Larkin	16,053	6,448 (PKR), 4,948 (MUDA)	9,875	21,271
Sungai Balang	8,924	3,576 (PKR)	6,001	9,577
Tenang	5,380	3,644 (MUDA)	2,729	6,373
Bukit Pasir	6,048	4,676	5,850	10,526
Gambir	7,960	4,509	4,814	9,323
Serom	8,507	5,509	7,908	13,417
Parit Yaani	9,070	8,776	5,435	14,211
Bukit Naning	5,437	3,317 (PKR)	3,902	7,219

Rengit	7,903	2,065 (PKR)	5,983	8,048
Mahkota	16,611	11,445	7,614	19,059
Tiram	22,939	12,550 (PKR)	17,658	30,208
Permas	23,492	14,521	15,566	29,817
Kota Iskandar	23,133	18,773	12,503	31,276
Bukit Permai	10,889	6,134 (MUDA)	5,108	11,242

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

**Jadual 11:** Kutipan Undi Popular Blok Politik Terbesar

Parti	Undian	Peratus
BN	599,753	43.11
PN	334,457	24.04
PH	284,969	20.48

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya, 2022

Berdasarkan data di atas, sebanyak 17 kawasan DUN yang dimenangi UMNO dalam PRN Johor boleh dijustifikasikan berada atas faktor perpecahan undi Melayu melalui penyertaan blok besar alternatif, PN dan PH. Jumlah angka undian ini memberi indikator bahawa UMNO pada dasarnya tidak memenangi kawasan ini secara mutlak dan kemenangan yang

diperoleh bertitik tolak kepada fenomena perpecahan undi. Jika tidak berlaku pertembungan antara PH dan PN serta digabungkan undi-undi kedua-dua blok ini, UMNO berada dalam kedudukan tidak kondusif di 17 kawasan DUN tersebut. Dapatan ini turut menunjukkan kedudukan UMNO hanya kondusif di 16 kawasan berikut (lihat Jadual 12).

**Jadual 12:** Kawasan Kemenangan Mutlak UMNO

DUN	UMNO (PRU-14)	UMNO (PRN 2022)	Pakatan Harapan PKR MUDA	PN + (PRN & 2022)	Jumlah Undi PH dan PN
Buluh Kasap	9,186	8,956	3,579 (PKR)	2,999	6,578
Pemanis	PKR	8,678	4,491 (PKR)	3,825	8,322
Sri Medan	11,587	13,165	1,537 (PKR)	6,891	2,428
Semarang	10,751	11,122	1,331 (PKR)	5,276	6,607
Parit Raja	9,549	10,634	3,895 (MUDA)	6,415	10,315
Machap	9,375	11,029	3,493 (MUDA)	4,486	7,979
Layang-Layang	7,449	7,551	4,736 (PKR)	1,278	6,014
Panti	11,409	12,599	2,314	6,745	9,059
Pasir Raja	8,055	9,381	1,976 (PKR)	4,493	6,469
Johor Lama	12,532	12,721	1,527 (PKR)	6,132	7,659

Sedili	13,407	12,063	333	6,384	6,717
Penawar	12,330	12,409	693	4,904	5,597
Tanjung Surat	9,614	9,850	800	3,947	4,747
Benut	9,480	10,896	1,200 (PKR)	5,037	6,237
Pulai Sebatang	AMANAHAH	12,473	6,148	5,967	12,115
Kukup	11,113	11,640	3,276 (PKR)	3,439	6,715

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2022.

Di 16 kawasan DUN yang dimenangi UMNO seperti dalam Jadual 12 menunjukkan kemenangan UMNO secara mutlak meskipun melalui proses pemecahan undi. Dapatan ini pada dasarnya merupakan norma biasa bagi UMNO memandangkan sisi telusuran historikal menunjukkan kawasan-kawasan ini mempunyai rekod panjang bersama UMNO. Dalam PRU-14, kesemua kawasan tersebut (kecuali Pemanis dan Pulai Sebatang) dimenangi oleh UMNO walaupun parti tersebut berada dalam keadaan bergolak. Dalam PRN Johor 2022, kawasan-kawasan majoriti Melayu berikut kekal memberikan taat setia kepada UMNO. Malah, di sebahagian kawasan ini turut mempunyai gugusan-gugusan FELDA yang besar dan menjadi kawasan simpanan tetap UMNO sejak sekian lama. Hal ini mengunjurkan bahawa UMNO masih bergantung sepenuhnya kepada pengundi tegar mereka dalam PRN kali ini. Apakah justifikasinya?

Di sebalik lorongan daripada perpecahan undi yang menjadi faktor penolak kepada kemenangan UMNO, kemenangan parti konservatif Melayu ini turut diperkukuhkan melalui kekentalan pemikiran neofeudal dalam kalangan pengundi tegar parti tersebut. Kawalan imej dan naratif Melayu-Islam yang berhasil dieksekusi UMNO pasca PRU-14 menjadikan parti ini kekal relevan dalam lingkungan pengundi Melayu, terutama di kawasan luar bandar. Hal ini termasuklah sentimen kekecewaan yang membayangi pengundi Melayu Johor terhadap prestasi lemah dan sebahagian janji yang gagal

ditunaikan oleh kedua-dua Menteri Besar dari BERSATU, iaitu Osman Sapian (2018-2019) dan Sahrudin Jamal (2019-2020) (Welsh, 2022).

Atas itu, jasa dan budi UMNO kembali dipertimbangkan dan diyakini lebih baik berbanding kerajaan PH melalui pengalaman yang dilalui. Maka, sokongan UMNO-BN di dalam PRN Johor 2022 sebahagian besarnya diperolehi melalui pengundi tegarnya dan pengundi yang mengundi PH dalam PRU-14. Mengukuhkan hujah ini, kemenangan UMNO juga sebahagian besar disumbangkan oleh pengundi saluran satu dan dua yang kekal memberikan sokongan kepada UMNO (Azlan Zainal, 2022: temu bual). Seperti trend biasa, kawasan selamat UMNO masih kekal dengan kawasan-kawasan Melayu luar bandar.

Konteks ini tidak anomali memandangkan latar politik Melayu luar bandar sering berada dalam angkubah neofeudal melibatkan kerangka 'pelindung', ketaatsetiaan dan jasa dan budi. Kerangka neofeudal merupakan antara elemen utama yang membentuk pengoperasian nilai politik lama di Malaysia (Muhamad Takiyuddin, 2016). Jika sebelumnya, di kawasan Melayu luar bandar, persaingan politik Melayu tidak dilakukan secara langsung melalui gabungan alternatif yang serupa dengan model BN. Namun, dalam PRN Johor 2022, terdapat dua 'parti Melayu tulen', iaitu BERSATU dan UMNO yang bersaing untuk menjuarai segmen pengundi Melayu. Sisi kedinamikan memperlihatkan hanya

terdapat satu posisi ‘pelindung’ Melayu yang perlu dimenangi untuk kekal relevan dalam ekologi politik Melayu. Atas itu, isu-isu yang memberatkan kepentingan Melayu dijadikan sebagai senjata efektif untuk mendominasi politik Melayu luar bandar.

Misalnya, persaingan ‘pelindung’ Melayu ini melibatkan persaingan di kawasan FELDA. Sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya tentang kesignifikanan politik FELDA dalam ekologi politik Melayu—dalam PRN Johor 2022, UMNO dan BERSATU memperuntukkan ‘slot’ khas FELDA di dalam manifesto masing-masing. Misalnya, manifesto PN meletakkan isu perumahan generasi baharu FELDA dan pemberimilikan lot tanah sebagai pemuka utama manifesto parti tersebut. Begitu juga UMNO yang memuatkan hal seperti perumahan generasi baharu FELDA, menggiatkan aktiviti ekonomi, penyediaan peluang pekerjaan dan naratif politik pembangunan seperti

penyelenggaraan jalan di kawasan FELDA. Dari satu skala, pentingnya undi FELDA ini turut ditonjolkan kedua-dua parti politik Melayu ini untuk kelihatan ‘siapa lebih juara’ dalam menjaga kepentingan warga FELDA. Hal ini dapat dilihat melalui cabaran yang dibuat Azmin Ali kepada Najib untuk berdebat tentang isu FELDA (lihat Mohd Khairil, 2022).

Meskipun kawasan luar bandar memperlihatkan UMNO kekal utuh dengan hegemoninya, begitu pun, pergerakan undi mula berlaku di kawasan majoriti Melayu kepada BERSATU/PN. Jalinan BERSATU dan PAS melalui PN menunjukkan mereka kini menjadi pilihan alternatif orang-orang Melayu di kawasan-kawasan majoriti Melayu (lihat Jadual 13). Gambaran ini keseluruhannya menyarankan bahawa PRN Johor 2022 mempunyai kedinamikan dalam persaingan politik Melayu melalui model konsosiasional mirip BN.

**Jadual 13:** Persaingan BN dan PN di Kawasan Majoriti Melayu Kompetitif

DUN	Geografi	Komposisi Pengundi Melayu (%)	BN (%)	PH (%)	PN (%)
Sedili	Luar bandar	96	62.3	1.7	32.9
Sri Medan	Luar bandar	90	59.2	6.9	31
Tenggaroh	Luar bandar	83	47.9	7	41.7
Johor Lama	Luar bandar	83	59.5	7.5	30
Rengit	Luar bandar	81	47.6	12.4	36
Endau	Luar bandar	80	34.8	7.5	54.5
Panti	Luar bandar	77	56.2	10.3	30.1
Sungai Balang	Luar bandar	73	44.5	19.2	32.2
Bukit Kepong	Luar bandar	70	40.1	13.4	43.2
Serom	Pinggir Bandar	67	37.6	24.3	34.5
Bukit Pasir	Pinggir Bandar	62	31.4	24.3	30.3
Maharani	Pinggir Bandar	61	27.2	30.3	35.1
Tiram	Bandar	56	39.6	21.7	30.5

Sumber: Ilham Centre (2022).

Satu yang jelas tentang kedinamikan politik Melayu luar bandar ini memperlihatkan wujudnya variasi alternatif untuk memilih parti Melayu. Keadaan ini berubah dan tidak seperti

sebelumnya yang hanya menempatkan UMNO sebagai satu-satunya parti Melayu tulen untuk Melayu luar bandar. Kemasukan BERSATU ke dalam arena persaingan politik luar bandar setidaknya

menjurus kepada gerakan positif pendemokrasian yang mengendurkan naratif politik neofeudal yang selama ini hanya sinonim kepada UMNO. Dinamika ini juga setidaknya mengunjurkan anjakan baharu terhadap penghakisan nilai-nilai taatsetia, jasa dan budi 'klasik' yang hanya diberikan kepada UMNO sejak sekian lama. Meskipun pengamalan elemen politik lama kekal berada dalam angkubahnya melalui pengamalan UMNO dan BERSATU, setidaknya ia kini menjadi lebih kompetitif melalui persaingan dua parti "Melayu tulen".

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, PRN Johor 2022 menampilkan satu kedinamikan politik Melayu yang dapat dilihat menerusi penyulaman antara politik lama dan baharu. Sejak sekian lama, latar politik Johor yang lebih dikaitkan dengan naratif politik lama telah menonjolkan satu transisi melalui suntikan elemen-elemen politik baharu yang ditonjolkan ketika berkempen. Pembawaan isu-isu yang progresif seperti pendemokrasian, reformasi politik, tadbir urus baik dan nilai integriti menunjukkan satu penyegaran dalam memunculkan nilai politik konservatif Melayu yang lebih progresif dan universal.

Satu yang menarik dalam kedinamikan ini ialah melibatkan pembawaan politik UMNO-BN yang mula melunak dan tidak seperti gambaran UMNO-BN kebiasaannya yang sarat dengan pembawaan naratif politik lama, terutamanya pasca PRU-14. Dalam hal ini, naratif politik BERSATU/PN juga kelihatannya lebih memberatkan isu-isu tadbir urus baik seperti yang terkandung dalam politik baharu. Namun, seperti yang diujahkan, pembawaan isu-isu yang lebih progresif oleh kedua-dua parti Melayu ini pada dasarnya adalah bertitik tolak daripada nuansa politik semasa yang lebih terfokus kepada naratif politik baharu.

Bagaimanapun, lingkaran unsur-unsur politik lama masih lagi mengakar terutama dalam kerangka politik identiti dan kerangka neofeudal. Sebagaimana yang diujahkan, perkara ini dapat difahami melalui nilai historikal negeri ini yang sejak sekian lama mengoperasikan politik Melayunya dalam menghubungkan tiga aktor secara simbiotik, iaitu UMNO, orang Melayu dan monarki. Di sebalik penonjolan naratif politik baharu yang lebih dominan, pembawaan isu-isu yang melatari naratif politik lama juga masih mendapat tempat meskipun dioperasikan dalam skala yang rendah. Konteks ini juga dapat dinilai melalui tingkah laku pengundian yang menunjukkan sebahagian besar undi lebih di kawasan majoriti Melayu lebih ber[ihak kepada parti Melayu tulen dan ini sebahagiannya menjelaskan tentang prestasi lemah PH di dalam PRN Johor 2022. Praktis politik lama ini turut menunjukkan kedinamikan melalui persaingan melibatkan dua parti Melayu tulen di kawasan Melayu luar bandar. Perkembangan ini memberi implikasi kepada politik Melayu luar bandar untuk tidak lagi didominasi tanpa cabaran oleh satu parti dominan seperti sebelumnya.

### **Penghargaan**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) atas Dana Khas Penyelidikan Universiti (DKPU) tahun 2022 yang membantu penyediaan kajian ini. Terima kasih juga kepada Ashraf Ahmad Hadi, Mohamad Fitri Ghazali, Muhammad Rahimi Hasan dan para informan yang menyumbang dalam keberhasilan kajian ini.

### **Rujukan**

Afiqah Zulkifli. (2022). Calon MUDA N07 Bukit Kepong. Temu bual, Muar, 8 Mac.

Ainin Wan Salleh. (2022, 13 Mac). Kemenangan besar BN bukti pengundi



- 'rindu zaman dulu', kata penganalisis. *Free Malaysia Today*. [https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/13/kemenangan-besar-bn-bukti-pengundi-rindu-zaman-dulu-kata-penganalisis/?fbclid=IwAR0wci8SSvmy\\_AWQM57RY2hR6I\\_6x31\\_zkZ1nIsY9QG\\_VYcnRL7yEMXD2gGo](https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/13/kemenangan-besar-bn-bukti-pengundi-rindu-zaman-dulu-kata-penganalisis/?fbclid=IwAR0wci8SSvmy_AWQM57RY2hR6I_6x31_zkZ1nIsY9QG_VYcnRL7yEMXD2gGo). Dicapai pada 1 April 2022.
- Azlan Zainal. (2022). Pengurus Operasi Badan Penyelidikan. Temu bual, Kuala Lumpur, 18 Mac.
- Bernama*. (2022, 1 Mac). Enakmen Anti Lompat Parti agenda pertama jika BN bentuk kerajaan – Hasni. <http://prn.bernama.com/melaka/news-bm.php?c=&id=2057200>. Dicapai pada 10 Mac 2022.
- Chandra Muzaffar. (1992). *Pelindung?* Penang: ALIRAN.
- Chung, N. (2022, 1 April). Politik wang antara punca Pejuang kalah di Johor, kata Dr M. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/04/01/politik-wang-antara-punca-pejuang-kalah-di-johor-kata-dr-m/>. Dicapai pada 13 Jun 2022.
- Crouch, H. (1996). *Government and Society in Malaysia*. New York: Cornell University Press.
- Dewan Negeri Johor. (2022). Senarai Ahli Dewan Negeri. [https://dewannegeri.johor.gov.my/sad/?wpv\\_view\\_count=1136-TCPID24&wpv-wpcf-nama=&wpv-wpcf-kawasan-dun=&wpv-wpcf-parti=&wpv\\_paged=5](https://dewannegeri.johor.gov.my/sad/?wpv_view_count=1136-TCPID24&wpv-wpcf-nama=&wpv-wpcf-kawasan-dun=&wpv-wpcf-parti=&wpv_paged=5). Dicapai pada 10 Mac 2022.
- Fayyad Jaafar. (2022, 31 Mac). Bersih: 71 cases of misconduct, irregularities in Johor polls. *The Malaysian Reserve*. <https://themalaysianreserve.com/2022/03/31/bersih-71-cases-of-misconduct-irregularities-in-johor-polls/amp/>. Dicapai pada 13 Jun 2022.
- Fazli Radzi. (2022, 24 Februari). Rohana, Astro, Bank Negara, 1MDB serentak 'meletup' di Twitter. *Malaysia Dateline*. [https://malysiadateline.com/rohana-astro-bank-negara-1mdb-serentak-meletup-di-twitter/?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=facebook&fbclid=IwAR3J8Erk3keHayrX8WTSITxK1jQs35kYeb7YvbD2ZTgrskS2xYJohqeK5So](https://malysiadateline.com/rohana-astro-bank-negara-1mdb-serentak-meletup-di-twitter/?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook&fbclid=IwAR3J8Erk3keHayrX8WTSITxK1jQs35kYeb7YvbD2ZTgrskS2xYJohqeK5So) Dicapai pada 1 Mac 2022.
- Flanagan, S. C., & Lee, A. R. (2003). The new politics, culture wars, and the authoritarian-libertarian value change in advanced industrial democracies. *Comparative Political Studies*, 36(3), 235-270. <https://doi.org/10.1177/0010414002250664>.
- Free Malaysia Today*. (2018, 8 April). Dr. M. buka mahu selamatkan negara, tetapi anaknya, dakwa.TMJ.. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/04/08/dr-m-bukan-mahu-selamatkan-negara-tetapi-anaknya-dakwa-tmj/>. Dicapai pada: 15 Februari 2022.
- Free Malaysia Today*. (2022, 30 Mac). SOP PRN Johor untungkan parti kerajaan, kata BERSIH. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/30/sop-prn-johor-untungkan-parti-kerajaan-kata-bersih/>. Dicapai pada 13 Jun 2022.
- Funston, J. (2018). Malaysia's 14th General Election (GE14) -The Contest for the Malay Electorate. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 57–83. <https://doi.org/10.1177/186810341803700304>.
- Ghazali Mayudin. (2006). Demokrasi dan pilihan raya di Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil & Sity Daud (pnyt.). *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Harian Metro*. (2022, 13 Mac). Bertelagah berbeza 'sekolah politik'. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/03/820381/bertelagah-berbeza-sekolah-politik> Dicapai pada 1 April 2022.
- Hutchinson, F.E. & Vandana Prakash Nair. (2016). *The Johor Sultanate: Rise or Re-emergence?* Singapore: ISEAS Publishing.
- Ilham Centre. (2022). Pola Pengundian PRN Johor 2022: Apa Berlaku di Johor?
- Jamaie Hamil. (2005). *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johan Saravanamuttu. (2019). Malaysia's Semenyih by-election: What next for race-based politics? *RSIS Commentary*, 38: 1-3.

Khor, Yuleng & Chia, Jeamme. (2020). FELDA and rural voting patterns in GE14 – a wake-up call. *The Round Table*, 109, 126-154.  
10.1080/00358533.2020.1741882.

Khor, Yuleng. (2014). The political tussle over Felda land schemes: UMNO strengthens its Malay rural fortress in 13 th General Election. *Kajian Malaysia*, 32(2): 89-121.

*KiniTV*. (2022, 17 Februari). Zahid datang bawa fail bertimbun-timbun lepas saya jadi PM – Muhyiddin. Video, <https://youtu.be/gSvIm3UEi8o> dicapai pada 1 Mac 2022.

Laman Sosial Facebook H.R.H. Crown Prince of Johor. (2022, 14 Februari). Johor merupakan negeri yang mempunyai jumlah pelaburan tertinggi antara tahun 2016, 2017 dan 2018. Tetapi selepas 2018, jumlah pelaburan di Johor mula menjunam.  
<https://www.facebook.com/100044171872462/posts/489654755850249/?d=n>.  
Dicapai pada 1 Mac 2022.

Loh, F. K. W. (2005). *Politik Baru di Malaysia?* Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Loh, F.K.W. (2000). *Politik Baru di Malaysia? Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Loh, F.K.W. (2003). Towards a new politics of fragmentation and contestation. Dlm. Loh, F.K.W. & Johan Saravanamuttu (pnyt.). *New Politics in Malaysia*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.

Loh, F.K.W. (2009). *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Petaling Jaya: SIRD dan Aliran Kesedaran Negara.

Maestro Paolo, A. (2012). The long building up towards a new politics. *Queries*, 9: 41-48.

*Malaysia Gazette*. (2022, 2 Mac). Muda Alat DAP, Rakyat Tak Akan Undi – Sanusi. Video, [https://www.facebook.com/MalaysiaGazette/videos/351022100243294/?extid=NS-UNK-UNK-UNK-IO5\\_GK0T-GK1C&ref=sharing](https://www.facebook.com/MalaysiaGazette/videos/351022100243294/?extid=NS-UNK-UNK-UNK-IO5_GK0T-GK1C&ref=sharing) Dicapai pada 5 April 2022.

Manifesto Barisan Nasional Johor 2022. (2022).  
<https://www.facebook.com/100044544904805/posts/504904994337660/?d=n>.  
Dicapai pada 10 Mac 2022.

Mazli Bidu & Jamaie Hamil. (2018). *Neofeudal UMNO: Politik dan Pembangunan Luar Bandar*. Petaling Jaya: The Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

Mohamed Nawab Mohamed Osman & Rashaad Ali. (2018). Localising victory: Ge 14 and the electoral contests in Johor and Kelantan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2): 367-385.

Mohammad Agus Yusoff. & Shah Mohd Akmal. AbdulHalim. (2019). Tingkah laku pengundi FELDA dalam PRU-14: Identifikasi parti, sosiologikal atau pilihan rasional. *Akademika*, 89(3): 167-182.

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid. (2022, 6 Mac). Azmin cabar Najib berdebat isu Felda. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/191276/Pilihan-Raya/PRN-Johor/Azmin-cabar-Najib-berdebat-isu-Felda>. Dicapai pada 1 April 2022.

Mohd Akmal Mohd Za'ai. (2022). AJK Pemuda UMNO Pasir Gudang, Johor. Temu bual, Pasir Gudang, 11 Mac.

Mohd Daud Mat Zin. (2022). Felo Kanan, Badan Penyelidikan Bait Al-Amanah. Temu bual, Johor Bahru, 5 Mac.

Mohd Nasaruddin Parzi. (2022, 24 Januari). PH anggap bubar DUN Johor desakan untuk PRU-15. *Berita Harian Online*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/915223/ph-anggap-bubar-dun-johor-desakan-untuk-pru-15>. Dicapai pada 10 Julai.

Mohd Sani, M. A. (2009). The emergence of new politics in Malaysia: From consociational to deliberative democracy. *Taiwan Journal of Democracy*, 5(2), 97-125.

Mohd Solihan Badri. (2022). Calon Perikatan Nasional N04, Gambir. Temu bual, Muar, 9 Mac.

Mohd Yusof Kassim & Azlan Ahmad. (2002). *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi: Penerbit Universiti

Kebangsaan Malaysia.

DOI: 10.1080/13510347.2020.1713757.

Muhamad Nadzri, M.N. (2018). The 14<sup>th</sup> General Elections, the Fall of Barisan Nasional and Political Development in Malaysia, 1957-2018. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3): 139-171.

R. Amri Abada. (2022). Ketua Pemuda UMNO Batu Sapi, Sabah. Temu bual, Pasir Gudang, 11 Mac.

Muhamad Nadzri, M.N. & Jamaie Hamil. (2018). Politik, pengundi dan faktor Melayu/Bumiputera: Analisis terhadap kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2): 386-408.

Serina Rahman. (2018). *Malaysia's General Elections 2018: Understanding the Rural Vote*. Singapore: ISEAS Publishing.

Muhamad Takiyuddin Ismail & Amalin Sabiha. (2016). Pasca PRU 13 dan Pembalikan Politik Lama. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (pnyt.). *PRU-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.

Shah Mohd Akmal Abdul Halim. (2020). Institusi Monarki Johor: Kajian Kes di Era Najib Razak (2009-2018) dan Mahathir Mohamad (2018-2020). Tesis Sarjana, Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. (2016). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Refleksi Politik Perubahan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Shah Mohd Akmal Abdul Halim & Ashraf Ahmad Hadi. (2020). Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Suffian Mansor (pnyt.). *Tujuh Hari Panjang: Saga Sheraton*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muhammad Nadzri & Ghazali Mayudin. (2008). Hegemoni dan kontra hegemoni: memahami perubahan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 35: 33-48.

Shaharuddin Maaruf. (1984). *Concept of a Hero in Malay Society*. Singapore: Eastern Universities Press Sdn Bhd.

Muhd Khalid Yahya. (2022). Setiausaha Amanah Pasir Gudang, Johor. Temu bual, Pasir Gudang, 27 Februari.

Suruhanjaya Pilihan Raya. (2022). Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Johor Ke-15. <https://dashboard.spr.gov.my/#!/home>. Dicapai pada 10 April 2022.

Muhyiddin Yassin. (2022). Siapa Pengkhianat? Laman Sosial Facebook Muhyiddin Yassin, 10 Februari. <https://www.facebook.com/100044225926298/posts/508364670647726/?d=n> dicapai pada 1 Mac 2022.

Suruhanjaya Pilihan Raya. (2022). Semakan Keputusan Pilihan Raya. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan>. Dicapai pada 18 Mac 2022.

Mujibu Abd Muis. (2012). Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia. *Sosiohumanika* 5(2): 239-252.

Syed Hussein Alatas. (1972). *Modernization and Social Change*. Sydney: Angus and Robertson.

Mujibu Abd. Muis, Zaliha Hj. Hussin & Badrul Azmier Mohamed@ Bakar. 2010. Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12. Dlm. *Political Managements and Policies in Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Thor Ker Pong & Tan Yen Yee. (2016). DAP dan Politik Baharu di Johor. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (pnyt.). *PRU-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.

Ostwald, K. & Oliver, S. (2020). Four arenas: Malaysia's 2018 election, reform, and democratization. *Democratization*,

Velleymalay, S.K.N. (2019b). Pilihan raya kecil (PRK) Rantau 2019: Isyarat peralihan sokongan rakyat kepada BN? *E-Bangi – Journal of Social Science and Humanities*, 16(6): 1-10.

Velleymalay, S.K.N. (2019a). Pilihan raya kecil (PRK) Cameron Highlands: Kemenangan BN atau kekalahan PH? *E-Bangi – Journal of Social Science and Humanities*, 16(5): 1-14.

Weiss, M.L. (2006). *Protest and Possibilities: Civil Society and Coalitions for Political Change in Malaysia*. Stanford: Stanford University Press.

Welsh, B. (2022, 4 Mac). 'Johor State Election: Paving the Way for the Return of Old Politics?' [Online forum Post]. Secretariat of Political Science (POSSA IIUM).  
<https://www.facebook.com/possa.iium/videos/360448895928458/>.

Zulhisham Isahak. (2022, 21 Februari). Kenang jasa Muhyiddin lupuskan hutang peneroka. *Sinar Harian Online*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/188878/Pilihan-Raya/PRN-Johor/Kenang-jasa-Muhyiddin-lupuskan-hutang-peneroka>. Dicapai pada 1 April 2022.